



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN**

#### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN TAHUN 2019**

#### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI NEGERI TAHUN 2019**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat secara bersiri seperti mana amalan tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun 2020 ini, Jabatan Audit Negara telah membentangkan LKAN Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan Dan Badan Berkanun Persekutuan serta 13 Jilid LKAN Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agenzi Negeri Dan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 3 pada 14 Julai 2020. Seterusnya, LKAN Pengauditan Pematuhan Kementerian Dan Jabatan Persekutuan Tahun 2019 serta LKAN Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 Siri 1 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 24 Ogos 2020.
  
2. Laporan yang akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada kali ini iaitu pada 5 November 2020 pula terdiri daripada 14 jilid, iaitu:

- (a) satu (1) jilid mengenai Kerajaan Persekutuan:
    - (i) LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019;
  - (b) 13 jilid mengenai Kerajaan Negeri:
    - (i) LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Tahun 2019 bagi setiap negeri.
3. Kesemua LKAN yang akan dibentang hari ini telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.
4. Pada hari pembentangan LKAN, Jabatan Audit Negara juga akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.
5. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

## **5.1. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019**

### **5.1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019**

- (a) Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 telah dikemukakan untuk pengauditan pada 17 Mac 2020. Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit*

*Institutions* (ISSAI). Ketua Audit Negara (KAN) menyatakan bahawa Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 menunjukkan satu gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

- (b) Bagaimanapun, dalam laporannya KAN memberi penekanan tertentu (*Emphasis of Matter*) (EOM)<sup>1</sup> dan di bawah Hal-hal Lain.
- (c) Dalam EOM, KAN menarik perhatian terhadap perkara berikut:
  - (i) Nota 5(b) mengenai Perbelanjaan Mengurus dan Nota 7(a)(i) mengenai Perbelanjaan Pembangunan. Sejumlah RM3.413 bilion daripada peruntukan pembangunan dan RM0.529 bilion daripada peruntukan mengurus telah disalurkan kepada 11 syarikat bagi membayar balik pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan. Selain itu, peruntukan pembangunan berjumlah RM1.388 bilion disalur kepada dua (2) daripada 11 syarikat yang tidak melaksanakan projek pembangunan.
  - (ii) Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara dengan merujuk kepada Nota 1(c)(iv) dan 1(f) - Dasar dan Prinsip Perakaunan, Nota 3 - Wang Tunai, Nota 4 -

---

<sup>1</sup> *Emphasis of Matter* (EOM) adalah penekanan kepada sesuatu perkara *fundamental* yang pada pendapat Juruaudit perlu diberi perhatian. EOM tidak menjelaskan pendapat Juruaudit.

Pelaburan dan Nota 7(a)(ii) - Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

- (a) Termasuk dalam Wang Tunai di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2019 adalah Wang Tunai Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) berjumlah RM1.567 bilion. Penyata Kewangan KWAN disediakan berasaskan akruan selaras dengan peruntukan di bawah Akta KWAN 1988 dan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS). Sejumlah RM1.94 juta faedah terakru telah dilaporkan sebagai faedah simpanan tetap kurang tiga (3) bulan dalam wang tunai di Penyata Kewangan. Selain itu, sejumlah RM11.89 juta terkurang nyata disebabkan perbezaan polisi kadar pertukaran mata wang asing.
- (b) Termasuk dalam pelaburan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2019 adalah sejumlah RM95.46 juta yang terkurang nyata disebabkan polisi kadar pertukaran mata wang asing yang berbeza.
- (d) Dalam Hal-Hal Lain, KAN menarik perhatian terhadap perkara berikut:
  - (i) Pihak Berkuasa Kewangan hendaklah memastikan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan

konsisten dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan bagi perkara berikut:

- (a) Perbelanjaan penyenggaraan dan kontrak perkhidmatan hendaklah dibajetkan dan dibayar di bawah perbelanjaan mengurus.
- (b) Terimaan dividen pelaburan hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Disatukan.
- (c) Penyeragaman polisi pertukaran kadar mata wang asing dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menggunakan kadar jualan pada tahun berakhir 31 Disember.
- (e) Selaras dengan prinsip perakaunan keutamaan nilai lebih dari bentuk (*substance over form*) yang dinyatakan dalam Piawaian Perakaunan Kerajaan 1, penyaluran peruntukan daripada Kumpulan Wang Disatukan kepada syarikat bagi tujuan khusus iaitu pembayaran balik pinjaman yang dijamin oleh Kerajaan sepatutnya diberikan dalam bentuk pinjaman atau pendahuluan yang perlu dibayar balik walaupun Seksyen 8, Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 belum terpakai.

#### **5.1.2. Analisis Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan**

- (a) Pada tahun 2019, hasil Kerajaan Persekutuan berjumlah RM264.415 bilion, meningkat sejumrah RM31.532 bilion atau

13.5% pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 (RM232.883 bilion). Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada hasil cukai (RM180.566 bilion atau 68.3%), hasil bukan cukai (RM79.825 bilion atau 30.2%), terimaan bukan hasil (RM3.292 bilion atau 1.2%) dan hasil Wilayah Persekutuan (RM0.732 bilion atau 0.3%). Faktor utama peningkatan hasil ialah terimaan dividen daripada syarikat Petroliam Nasional Berhad (Petronas) berjumlah RM54 bilion iaitu lebih tinggi berbanding dividen tahun 2018 yang berjumlah RM26 bilion. Sejumlah RM30 bilion daripada RM54 bilion yang diterima merupakan pemberian dividen khas bagi tujuan bayaran balik cukai.

- (b) Peruntukan muktamad perbelanjaan mengurus yang diluluskan bagi tahun 2019 berjumlah RM260.547 bilion, manakala perbelanjaan sebenar berjumlah RM263.343 bilion. Perbelanjaan kerana hutang negara (faedah, dividen dan lain-lain kenaan bayaran) adalah berjumlah RM32.933 bilion atau 12.5% daripada perbelanjaan mengurus. Perbelanjaan ini meningkat sejumlah RM2.386 bilion atau 7.8% berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM30.547 bilion. Bagaimanapun, amaun ini tidak termasuk pembayaran balik prinsipal hutang pada tahun 2019 berjumlah RM83.050 bilion kerana tidak dibajetkan di bawah peruntukan mengurus tetapi dibayar secara terus daripada Akaun Pinjaman Disatukan.
- (c) Perbelanjaan pembangunan kementerian dan jabatan Persekutuan yang telah dibelanjakan pada tahun 2019 adalah

RM54.173 bilion atau 104.6% berbanding peruntukan yang diluluskan bagi tahun 2019.

- (d) Kerajaan Persekutuan mengalami defisit berjumlah RM51.370 bilion dengan nisbah defisit kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada kadar 3.4%. Defisit tersebut ditampung dengan pinjaman baharu berjumlah RM138.559 bilion. Daripada jumlah pinjaman baharu tersebut, RM83.05 bilion atau 59.9% telah digunakan untuk membayar balik hutang yang matang.
- (e) Hutang Persekutuan berjumlah RM792.998 bilion, meningkat 7% berbanding RM741.049 bilion pada tahun 2018. Nisbah hutang kepada KDNK adalah RM52.5%. Sebanyak 96.4% Hutang Persekutuan adalah hutang dalam negeri dan hanya 3.6% hutang luar negeri. Keseluruhan Hutang dan Liabiliti Persekutuan pada tahun 2019 adalah RM1.080 trilion.
- (f) Pelaburan Kerajaan Persekutuan dalam deposit, sekuriti dan pegangan saham syarikat atau badan berkanun atau agensi adalah berjumlah RM32.038 bilion. Akaun Belum Terima Kerajaan Persekutuan pula adalah berjumlah RM94.115 bilion yang terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut serta Pelbagai Akaun Belum Terima.

## **5.2. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Tahun 2019**

### **5.2.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri**

- (a) Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- (b) Pengauditan yang dijalankan mendapati kesemua 13 penyata kewangan kerajaan negeri telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Kesemua penyata kewangan tersebut menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

### **5.2.2. Pengauditan Pematuhan**

- (a) Pada tahun 2019/2020, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan 28 pengauditan pematuhan di peringkat kerajaan negeri yang melibatkan satu (1) kementerian di Sarawak, 23 jabatan dan 14 agensi negeri.
- (b) Antara penemuan utama audit pematuhan adalah berlakunya pembayaran tidak teratur (*improper payment*), hasil tidak dikutip dengan teratur dan kelemahan dalam perolehan kerajaan. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan

penambahbaikan diambil, Ketua Audit Negara telah mengemukakan 79 syor audit untuk dipertimbangkan pelaksanaannya oleh kementerian/jabatan/agensi negeri yang diaudit.

6. LKAN mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2019 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 5 November 2020 selepas jam 10.00 pagi. LKAN peringkat negeri pula yang melibatkan 13 negeri hanya akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit.audit.gov.my](mailto:jbaudit.audit.gov.my).

Ketua Audit Negara  
Malaysia  
5 November 2020